



Ruj Tuan :  
Ruj. Kami : KKM. 100-2/2/3 JLD. 3 (15 )  
Tarikh : 9 April 2021


YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Hisham Bin Abdullah  
Ketua Pengarah Kesihatan

Melalui :

YBhg. Datuk Dr. Chong Chee Kheong  
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

YBhg. Tan Sri,

**KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN  
MALAYSIA MENGENAI SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA  
DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA**

  
12/4.  
DATUK DR. CHONG CHEE KHEONG  
(MMC 26473)  
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan  
(Kesihatan Awam)  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Bersama-sama ini dikemukakan Kenyataan Akhbar Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia berkenaan Situasi Semasa Demam Denggi, Zika dan Chikungunya di Malaysia bagi ME 13/2021 (28 Mac hingga 3 April 2021) untuk persetujuan YBhg. Tan Sri.

Sekian, terima kasih.

**“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(DATUK DR. NORHAYATI BT RUSLI)**  
Pengarah Kawalan Penyakit  
Kementerian Kesihatan Malaysia



**KENYATAAN AKHBAR**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
**SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI**  
**MALAYSIA**


**(Bagi Minggu 13/2021 dari 28 Mac hingga 3 April 2021)**

Pada minggu ke-13, kes Demam Denggi yang dilaporkan menunjukkan peningkatan sebanyak 15 kes (3.6%), menjadikan jumlah kes 436 berbanding 421 kes pada minggu sebelumnya. Terdapat satu (1) kematian akibat komplikasi Demam Denggi dilaporkan pada minggu ke-13. Kumulatif kes Demam Denggi sehingga kini adalah sebanyak 7,417 kes berbanding 34,238 kes bagi tempoh sama tahun 2020 iaitu penurunan 78.3% (26,821 kes) manakala kumulatif kematian adalah sebanyak empat (4) kematian berbanding 49 kematian bagi tempoh sama tahun 2020 iaitu pengurangan 45 kematian (91.8%) **(Lampiran A & C)**. Lokaliti hotspot menurun sebanyak dua (2) lokaliti menjadikan jumlah lapan (8) lokaliti pada minggu ke-13 berbanding sepuluh (10) lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya. Kesemua lokaliti hotspot berada di Negeri Selangor. **(Lampiran B & D)**.

Sistem Surveilan Chikungunya merekodkan sebanyak 25 kes pada minggu ke-13 yang mana masing-masing sebelas (11) kes dari Perak dan WPKL & Putrajaya serta masing-masing satu (1) kes dari Johor, Kelantan dan Pulau Pinang. Jumlah kumulatif kes Chikungunya sehingga kini adalah sebanyak 348 **(Lampiran E)**. Bagi surveilan Zika, sebanyak 358 sampel darah dan 13 sampel urin telah dijalankan saringan Zika dan kesemuanya adalah negatif Zika.

Penjagaan kebersihan diri dan kebersihan persekitaran merupakan nilai-nilai murni yang perlu ditanam sejak usia muda. Masyarakat yang menjadikan kebersihan sebagai budaya hidup akan terhindar dari pelbagai penyakit berjangkit. Tabiat membuang sampah merata-rata akan menyebabkan longkang atau parit tersumbat dan bekas makanan terbiar hingga menjadi tempat pembiakan jentik-jentik. Dasar kebersihan negara yang diperkenalkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) juga menekankan aspek kebersihan di persekitaran kediaman untuk mencegah penyakit bawaan vektor seperti Demam Denggi.


Selain itu juga, pemutusan rantai jangkitan Denggi dapat dilakukan dengan melakukan semburan aerosol di tempat terlindung di dalam rumah, membunuh bahan pembunuh jentik-jentik di tempat berpotensi seperti di kolam air, longkang atau struktur yang menakung air serta menggunakan penghalau nyamuk elektrik atau lingkaran ubat nyamuk. Marilah kita menjadi masyarakat yang perihatin akan kebersihan persekitaran. **Tiada Aedes, tiada Denggi, Chikungunya, dan Zika.**




**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH**  
Ketua Pengarah Kesihatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
**13 April 2021**




Gambarajah 1: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi minggu ke- 12 dan ke- 13 tahun 2021



Gambarajah 2: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi sehingga minggu ke- 13 tahun 2021 dan tempoh sama tahun 2020



Gambarajah 3: Perbandingan tren kes Mingguan Demam Denggi Malaysia Tahun 2021, 2020 dan Median 2016-2020



Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot Denggi minggu ke-13 tahun 2021

**BILANGAN KES DENGGI PADA MINGGU 13/2021  
(28 Mac hingga 3 April 2021)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian Denggi dilaporkan				Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 13/2021		Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 13/2020	
		Minggu 13 (28 Mac – 3 April 2021)		Minggu 12 (21 Mac – 27 Mac 2021)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Mati	Kes	Mati				
1	Perlis	0	0	0	0	3	0	17	0
2	Kedah	11	0	10	0	87	0	309	0
3	P. Pinang	7	0	9	0	134	0	302	1
4	Perak	8	0	10	0	167	0	1,055	1
5	Selangor	245	0	227	0	4,138	0	20,994	17
6	WP KL & Putrajaya	50	1	40	0	814	1	2,661	4
7	N. Sembilan	10	0	8	0	198	1	668	1
8	Melaka	8	0	10	0	264	0	606	3
9	Johor	37	0	41	0	724	1	2,671	7
10	Pahang	3	0	9	0	169	1	839	2
11	Terengganu	1	0	0	0	16	0	98	0
12	Kelantan	5	0	1	0	83	0	1,311	2
13	Sarawak	9	0	11	0	123	0	810	2
14	Sabah	42	0	45	0	495	0	1,893	9
15	WP Labuan	0	0	0	0	2	0	4	0
	<b>MALAYSIA</b>	<b>436</b>	<b>1</b>	<b>421</b>	<b>0</b>	<b>7,417</b>	<b>4</b>	<b>34,238</b>	<b>49</b>

**Lampiran D****LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 13/2021  
(28 Mac hingga 3 April 2021)**

<b>NO</b>	<b>NEGERI</b>	<b>DAERAH</b>	<b>LOKALITI</b>	<b>BIL KES</b>	<b>TEMPOH WABAK (HARI)</b>
1	SELANGOR	Petaling	E5. Sek U10 (Alam Budiman : Jln U10/68-U10/77b)	43	85
2	SELANGOR	Petaling	E14. Bt 13 1/2 (Koi Tropika)	13	56
3	SELANGOR	Petaling	E5. Sek U5 (Nusa Subang : Jln U5/102-U5/112)	17	51
4	SELANGOR	Hulu Langat	Jln Impian Murni 2&3 Saujana Impian	9	41
5	SELANGOR	Petaling	E5. Sek U20 (Fasa 1b Bbsb : Jln 1b/1-1d/3)	14	41
6	SELANGOR	Sepang	Kuarters Hospital Serdang	9	33
7	SELANGOR	Petaling	E2. Sek 17 (Teres A : Jln 17/2 - 17/15)	4	31
8	SELANGOR	Hulu Langat	Flat Tmn Ampang Mewah (Blok A-E)	4	31

**PECAHAN KES CHIKUNGUNYA MENGIKUT DAERAH DAN NEGERI  
SEHINGGA MINGGU EPID 13/2021 (3 April 2021)**

<b>BIL</b>	<b>NEGERI</b>	<b>DAERAH</b>	<b>BIL KES (Daerah)</b>	<b>BIL KES (Negeri)</b>
1.	Johor	Kluang	1	31
		Muar	1	
		Tangkak	29	
2.	Kedah	Baling	1	57
		Kota Setar	1	
		Kuala Muda	32	
		Kulim	19	
		Langkawi	1	
		Sik	3	
3.	Kelantan	Gua Musang	1	8
		Kuala Krai	2	
		Pasir Puteh	1	
		Tanah Merah	1	
		Tumpat	3	
4.	Melaka	Alor Gajah	1	13
		Melaka Tengah	12	
5.	Perak	Kinta	3	93
		Kuala Kangsar	16	
		Larut Matang & Selama	10	
		Manjung	64	
6.	Pulau Pinang	Barat Daya	4	12
		Seberang Perai Selatan	1	
		Seberang Perai Tengah	2	
		Seberang Perai Utara	5	
7.	Selangor	Gombak	3	54
		Hulu Langat	2	
		Klang	49	
8.	WP Kuala Lumpur	Kepong	66	80
		Lembah Pantai	3	
		Titivangsa	11	
<b>JUMLAH KUMULATIF</b>			<b>348</b>	



